

HasCup medan mengasah bakat baharu badminton

26.4.2015 KOSMO

KEJOHANAN Badminton Piala Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali (HasCup) 2015 Siri Keempat kembali menghangatkan Dewan Gemilang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam apabila sekali lagi menjadi medan kelab-kelab badminton negara mengetengahkan bakat-bakat baharu **lapor SITI SARAH NURUL LIYANA ABU HASAN.**



Pertandingan yang berlangsung selama 3 hari bermula kelmarin itu menyaksikan sebanyak 32 pasukan berentap bagi merebut gelaran juara lelaki amatur; manakala lima lagi pasukan bersaing untuk kategori terbuka lelaki.

Ketua Projek HasCup 2015, Abdushattar Nawi (**gambar**), 24, berkata, sambutan kali ini sangat menggalakkan serta mendapat sokongan daripada beberapa pemain profesional negara.

"Saya sangat gembira kerana tahun ini kami menerima penyertaan penuh bagi kategori lelaki amatur dalam jangka masa dua minggu sahaja dari tarikh penyertaan dibuka.

"Bagi kategori lelaki terbuka pula, penyertaan agak

kurang disebabkan terdapat pertindihan jadual antara pemain-pemain profesional, namun nama-nama seperti Mohd. Razif Abdul Latif, Mohd. Lutfi Zaim Abdul Khalid dan beberapa lagi turun gelanggang untuk berentap.

"Pemain legenda, Datuk Mohamad Razif Sidek turut hadir sebagai jurulatih bagi pasukan SPA All Stars dan kami menghargai sokongannya," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Kejohanan yang diuruskan sendiri oleh Sekretariat Sukan dan Rekreasi Majlis Eksekutif Pelajar (MEP) Kolej Keris Mas, UKM, Bangi itu mendapat tajaan antaranya daripada Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan.

Selain hamper, piala pusingan dan barangan sukan, pemenang bagi kategori amatur lelaki akan membawa pulang wang tunai RM3,500, manakala kategori terbuka lelaki pula meraih RM3,000.

Pusingan akhir serta majlis penyampaian hadiah dijadualkan berlangsung hari ini dan akan disempurnakan oleh Penaung Kehormat HasCup, Dr. Siti Hasmah.